

Orang ramai dijemput ke  
**Pameran  
 Awam**

**Draf** RANCANGAN KAWASAN KHAS

**Pantai Chenang**  
 LANGKAWI

**11 Disember 2011 - 5 Januari 2012**

9.00 pagi hingga 4.00 petang (hari bekerja sahaja)

- Pejabat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Kuah
- Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, Aras 10, Bangunan Sultan Abdul Halim, Alor Setar

**9 Disember 2011 - 5 Januari 2012**

10.00 pagi hingga 6.00 petang (setiap hari)

- Laman Padi, Pantai Chenang
- Jeti Point, Kuah

Program  
**Publisiti**  
 Penyertaan Awam



**TINDAKAN-TINDAKAN  
 RKK PANTAI CHENANG 2015**

SEMASA

Tanah-tanah pertanian yang kosong [terbiar] dan tidak ekonomi.



PEMBINAAN JALAN BARU & PENGURUSAN LALU LINTAS DAN PEJALAN KAKI



Kualiti air laut dan habitat marin yang menyusut, mengancam keselamatan dan keselesaan pengunjung.



RAWATAN DAN PEMULIHAN KUALITI AIR LAUT



Reka bentuk 'streetscape' yang tidak responsif dan pembinaan bangunan yang tidak mengikut piawaian.



PEMBANGUNAN CHENANG WATERFRONT



Konflik penggunaan ruang untuk keperluan komersial dengan persekitaran petempatan desa.



PENYERAKAN & PENGAGIHAN AKTIVITI



Sumberjaya desa yang masih belum dioptimumkan.



PENGINDAHAN PERSEKITARAN DESA



TRANSFORMASI

Keupayaan aksesibiliti ke kawasan tanah-tanah pertanian yang kosong [terbiar] dapat ditingkatkan dan peluang aktiviti pembangunan baru dapat diserakkan.

Kualiti air laut dan habitat marin dapat dikawal dan meningkatkan persekitaran pantai yang selamat dan selesa.

Vista semula jadi Pantai Chenang dan reka bentuk 'streetscape' ditingkatkan, meningkatkan kualiti mobiliti dan keselesaan pejalan kaki dan menambah ruang untuk aktiviti perniagaan dan rekreasi.

Konflik penggunaan ruang untuk keperluan komersial dan petempatan dapat dikawal dan diminimumkan.

Keindahan persekitaran desa dapat ditingkatkan dan komuniti tempatan mendapat manfaat peningkatan kualiti hidup.



Bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan rancangan itu boleh dibuat melalui borang bantahan awam yang disediakan atau surat memorandum selewat-lewatnya pada 16 Januari 2012.

Bantahan dan representasi itu hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan alasan-alasan kenapa bantahan dan representasi itu dibuat.

Semua borang bantahan awam dan surat memorandum boleh di hantar/faks/email kepada :-  
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN  
07000 KUAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN  
Tel : 04-966 6590 Faks : 04-967 1773 e-mail : rkkpantaichenang@yahoo.com

#### APA ITU RANCANGAN KAWASAN KHAS PANTAI CHENANG 2015

Rancangan Kawasan Khas Pantai Chenang 2015, adalah kerja-kerja yang menjelaskan hala tuju dan insentif-insentif pembangunan ekonomi, fizikal dan komuniti di Pantai Chenang bagi tempoh perancangan dari tahun 2010 sehingga tahun 2015. Rancangan Kawasan Khas Pantai Chenang adalah rancangan pemajuan yang disediakan mengikut peruntukan undang-undang Malaysia di bawah subseksyen 16B(1), (2) dan (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172).


#### JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA

JPBD SM bertanggungjawab secara langsung sebagai perunding utama di dalam penyediaan kajian RKK Pantai Chenang 2015. JPBD SM merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perancangan fizikal di Semenanjung Malaysia. Untuk maklumat lanjut sila layari [www.townplan.gov.my/](http://www.townplan.gov.my/).

#### TERIMA KASIH

Jawatankuasa Perancangan Negeri, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Lembaga Pembangunan Langkawi berbesar hati mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Rancangan Kawasan Khas Pantai Chenang 2015.

## PELAN UTAMA Pantai Chenang 2015



## PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS PANTAI CHENANG 2015

[ Subseksyen 16B(1), (2) dan (3)  
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) ]

- 01 RANCANGAN STRUKTUR DAN RANCANGAN TEMPATAN**  
Pernyataan dasar dan cadangan pemajuan dan penggunaan tanah.
- 02 PUBLISITI AWAL RANCANGAN KAWASAN KHAS**  
Mendapatkan maklumbalas orang ramai mengenai objektif, tujuan dan perkara-perkara yang akan dicadangkan dalam Rancangan Tempatan.
- 03 DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS**  
Merupakan suatu plan cadangan yang terperinci dan mengandungi cadangan-cadangan tindakan khusus untuk satu kawasan yang telah dikenalpasti oleh Pihak Berkuasa Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan.
- 04 PUBLISITI DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS**  
Pemeriksaan awam tidak kurang daripada 4 minggu dan boleh dilanjutkan selama tidak lebih dari 4 minggu. [Subseksyen 13(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)]  
Notis disiarkan dalam 3 keluaran dalam sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan, satu dalam Bahasa Malaysia.
- 05 PENYIASATAN DAN PERBINCANGAN**  
Suatu penyiasatan tempatan atau pembicaraan awam boleh diadakan di hadapan Jawatankuasa terdiri daripada 3 orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri [Seksyen 14 (1), Akta 172].
- 06 KELULUSAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS**  
Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah membuat ketetapan untuk kelulusan Draf RKK yang disampaikan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan [Subseksyen 15(1), Akta 172] iaitu sama ada sebagaimana disediakan atau diubahsuai setelah menimbangkan rayuan dan bantahan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan.  
Jawatankuasa Perancang Negeri meluluskan keseluruhan atau sebahagian daripada Draf RKK dan dengan atau tanpa ubahsuaian-ubahsuaian atau syarat-syarat atau menolak Draf Rancangan Tempatan [Seksyen 15 (1), (1A) dan (1B), Akta 172].
- 07 PEMBERITAHUAN KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI**  
Jawatankuasa Perancang Negeri mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan persetujuan dan kuat kuasa Draf Rancangan Kawasan Khas [Seksyen 15 1C, Akta 172].
- 08 MEWARTAKAN RANCANGAN TEMPATAN**  
Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mewartakan fakta persetujuan Rancangan Kawasan Khas oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 09** Disiarkan dalam warta negeri dan dalam sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan [Subseksyen 15 (4), Akta 172].

Semakan  
"On-line"

Anda boleh menyemak syarat pemajuan bagi milikan tanah anda melalui ....

Laman sesawang kami ....  
[www.mplpb.gov.my](http://www.mplpb.gov.my)  
[www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my)  
[www.jpbdkedah.gov.my](http://www.jpbdkedah.gov.my)

